

PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN MEKKAH SEKARANG

Pembangunan-pembangunan di tanah Hijjaz mulai dijalankan oleh al-Malik 'Abd al-'Azīz Ibnu Saūd ialah setelah lima tahun baginda memerintah di sana tetapi pembangunan-pembangunan yang besar dijalankan terutamanya sesudah perang ini di dalam mana menjadikan tanah Hijjaz itu keadaannya berubah daripada sediakala sehingga perbelanjaan yang dijalankan kerana pembangunan-pembangunan itu adalah sangat besar dan jika pembangunan-pembangunan itu hanya dijalankan daripada pendapatan "Cukai Haji" maka pembangunan itu tidak akan berjalan sebegitu hebatnya kerana pendapatan itu hanya meliputi tidak sampai sepuluh peratus daripada perbelanjaan yang telah dibuat – inilah keterangan yang diberi oleh Syeikh Abdul Rahman Syubli Serawak yang telah tiba di sini dari Hijjaz. Ia telah meninggalkan Malaya lebih kurang 25 tahun dan dalam masa itu ia menetap di Hijjaz sahaja.

(oleh : Edrus)


Segala pendapatan-pendapatan daripada telaga minyak Arabia Saudia dizahirkan itu adalah dilimpahkan dengan sebegitu besar untuk memperbaiki kedudukan Jeddah, Mekkah dan Madinah serta jalan-jalan rayanya diatur dengan sebegitu rupa dan di tengah-tengah perjalanan, terutamanya di antara Jeddah dan Mekkah itu serta juga di antara Mekkah – Arafah – Madinah di tengah-tengah perjalanan itu diadakan tempat-tempat pertolongan cemas dan tempat-tempat persinggahan serta balai-balai polis untuk keperluan orang-orang Haji atau orang yang berjalan di sana. Semuanya adalah memakan belanja yang besar yang tujuannya semata-mata dijalankan kerana mengingat keselamatan Mekkah.

Beberapa banyak rumah-rumah sakit telah dibangunkan dan di antaranya yang terbesar dan yang teratur sekali ialah rumah sakit Raja (*Mustashfā al-Mālik*) rumah sakit beranak



Yang Maha Mulia al-Mālik 'Abd 'al-'Azīz Ibnu Saūd sedang memeriksa tempat telaga minyak di Tehran

*



Pintu gerbang ke istana al-Mālik 'Abd 'al-'Azīz

Ibnu Saūd di Riyadh

telah diadakan di Jarawal dan juga jabatan kesihatan diluas dan dibesarkan. Ada lagi banyak rumah-rumah sakit yang baharu didirikan di Jeddah dan di Thaif.

Adapun segala kemalangan-kemalangan yang kerap kali terjadi dalam masa musim Haji itu adalah kemalangan-kemalangan yang tak dapat dielak – yang pertama ialah kerana orang-orang yang datang itu tidak biasa dengan keadaan dan hua di sana dan yang kedua



*Al-Syeikh 'Abd Allāh al-Sulaimān Menteri Kewangan kerajaan
Saudi Arabia sedang menandatangani surat perjanjian
pajak minyak kepada Amerika.*

*

ialah kejadian-kejadian yang luar biasa seperti keadaan panas terik yang sebegitu hebat dan ribut hujan batu yang tak disangka-sangka. Yang demikian ini sudah tentu terjadi di dalam keadaan yang tidak ada kesiapan untuknya dan tidaklah dapat disalahkan yang demikian itu atas kesiapan-kesiapan yang ada terutamanya pula di dalam tiap-tiap musim Haji itu orang yang datang sebegitu banyak sehingga sukar memberi layanan yang cukup memuaskan.

Sebagaimana dimaklumi bahawa pada masa yang lampau yang payah sekali diikhtiarkan di Hijjaz (terutamanya di Jeddah dan Makkah) ialah tentang air. Kepayahan-kepayahan itu pada masa sekarang telah dapat diselenggarakan iaitu dengan adanya suatu usaha yang besar mengadakan paip air yang berjalan dari Wadi ke Jeddah sejauh 110 batu. Air-air itu dapat dibawa sehingga ke kapal-kapal yang singgah di pelabuhan Jeddah yang baharu. Ada lagi satu saluran air yang baharu di al-Wadi yang dapat memberi air lebih banyak. Kemewahan air di tanah suci telah diakui

oleh Tuan Haji Zainal Abidin Ahmad, Ketua Pengarang “Abadi” Indonesia yang telah berkata bahawa air di tanah suci sekarang lebih mudah didapati daripada di Jakarta.

Seperkara pembangunan yang sangat besar yang sangat mustahak ialah mengadakan pelabuhan baharu di Jeddah. Pada masa yang lampau, oleh kerana batu karang sebegitu banyak di luar pelabuhan itu maka kapal-kapal tak dapat rapat di sana. Keadaan ini adalah sangat-sangat menyusahkan dan dengan demikian kerajaan memandang sangat mustahak mengadakan sebuah pelabuhan yang baharu yang membolehkan kapal-kapal singgah di sana dengan rapat sekali di pelabuhan itu. Usaha ini sekarang telah disempurnakan iaitu dengan mengadakan suatu pelabuhan yang menganjur ke laut daripada pantai Jeddah itu dan perbelanjaannya sudah tentu terlampau tinggi yang tidak akan terbayar sekiranya tidak ada bantuan kerajaan Arabi Saudi daripada hasil minyaknya yang di luar daripada daerah Hijjaz itu.

Pelajaran

Seperkara yang akan menarik hati yang patut diterangkan di sini ialah bagaimana al-Mālik ‘Abd ‘Azīz mengambil berat tentang mengadakan pelajaran kepada anak negerinya. Dengan adanya hasil-hasil yang melimpah daripada minyak itu maka baginda tidak melupakan keadaan yang mustahak ini dan dengannya di dusun-dusun dan di kampung-kampung didirikan sekolah-sekolah Ibtida'iah yang lengkap. Di sebalik itu di dalam bandar diadakan pula kolej-kolej serta sekolah sambungan daripada sekolah Ibtida'iah itu dan ada pula sebuah sekolah di Makkah yang diuntukkan bagi mereka yang akan berlatih keluar negeri. Penuntut-penuntut yang ditetapkan akan



Istana Diraja al-Malik Abdul Aziz Ibnu Sa'ud di luar bandar Jeddah.



al-Syeikh Abdul Rahman al-Syubli Serawak

dihantar keluar negeri itu adalah diberi *scholarship* dengan cukup mewah. Tiap-tiap murid itu mendapat \$200 tiap-tiap bulan dan sekiranya ia mempunyai tanggungan-tanggungan keluarga yang akan ditinggalkannya itu maka mereka

akan ditanggung oleh kerajaan. Keadaan ini barangkali, menurut keterangan yang diberi, belum diberi oleh kerajaan lain.


Anak-anak yatim adalah tidak dilupakan. Mereka diberi pelajaran oleh kerajaan di sebuah sekolah kerajaan di Makkah dan di Madinah ada pula sebuah sekolah untuk anak yatim yang dibantu oleh kerajaan. Di sana diberi pelajaran-pelajaran pertukangan, bertenun dan pekerjaan tangan. Berhubung dengan pekerjaan-pekerjaan belum sebegitu tinggi dan luas maka di Hijjaz belum ada tempat-tempat melatih pekerjaan-pekerjaan teknik untuk mereka itu. Di sebalik itu untuk melatih pengawal negara tidak dilupakan. Di Ṭāif diadakan *barracks* askar untuk melatih pegawai-pegawai dan askar-asakar mengikut keadaan-keadaan dunia sekarang. Di Zahran diadakan sekolah-sekolah tentera udara. Guru-gurunya yang diutamakan ialah daripada anak negeri yang telah berlatih keluar negeri.

Selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas ini patut juga dinyatakan bahawa perjalanan tempat Sāī itu telah diluaskan daripada dahulu. Kerajaan telah membeli rumah yang berhampiran di situ dengan begitu mahal untuk meluaskan tempat itu supaya memudahkan orang-orang untuk mengerjakan kewajipan-kewajipan Haji. Tempat itu dilengkapi dengan lampu-lampu dan demikian juga tempat-tempat berteduh diadakan

serta polis khas juga disediakan bagi memandu orang-orang yang ada di situ.

Menara-menara Masjid al-Haram diletakkan pelauang suara sehingga tatkala azan dapat didengar di seluruh kota Makkah itu. Pintu Kaabah yang dahulunya diperbuat daripada perak telah diganti oleh al-Mālik Ibnu Sāud dengan emas. Juga di sesebuah tempat yang didirikan Jumaat diadakan masjid cukup dengan pegawai-pegawainya dan di sebalik itu pula di sana sini didirikan masjid-masjid untuk sembahyang berjemaah dan mana-mana tempat yang mustahak banyak didirikan masjid-masjid yang baharu.

Dengan keterangan-keterangan yang diberi oleh al-Sheikh 'Abd Raḥmān al-Syublī yang tersebut di atas ini maka ia menyatakan semuanya adalah memakan belanja yang sebegitu besar dan perbelanjaan-perbelanjaan itu tidak akan diliputi oleh cukai-cukai Haji.



Ini ialah suatu gambar yang beriwayat iaitu tatkala Yang Maha Mulia al-Mālik 'Abd al-'Azīz

Ibnu Sāud tiba di Zahran kerana memeriksa telaga minyak yang kaya itu.

perbelanjaan itu yang terbanyaknya diberi oleh al-Mālik Ibnu

Sáud daripada hasil minyaknya yang terbesar dari Zahran.

Orang-orang mengatakan bahawa oleh kerana kerajaan al-Mālik ‘Abd al-‘Azīz Ibnu Sáud itu telah kaya maka perbuatan mengadakan cukai Haji itu patut dihapuskan. Tuduhan yang sedemikian ini patut kita berfikir dengan tenang dan dengan fikiran siuman. Kita mesti memerhati atas cara-cara pertadbiran dalam negeri. Umpamanya di Semenanjung Tanah Melayu hasil mahsul Johor tentulah tidak akan dibelanjakan ke Pahang dan begitu juga sebaliknya hasil mahsul Pahang tidak akan digunakan di Johor. Jadi orang Islam umumnya patut bersyukur kekurangan-kekurangan Hijjaz daripada pendapatan cukai yang tidak mencukupi itu telah ditambah dengan hasil-hasil dari luar daerah Hijjaz untuk menyempumakan pembangunan-pembangunan yang ada sekarang serta pembangunan yang luar biasa itu.

Mudah-mudahan dengan ini difaham bahawa tuduhan yang bukan-bukan atas cukai Haji dahulu itu dapat reda dan ditimbangkan dengan perasaan yang tenang. Harapan orang-orang Hijjaz khasnya dan orang-orang Islam umumnya mudah-mudahan al-Mālik ‘Abd al-‘Azīz Ibnu Sáud yang ada sekarang dipanjangkan usianya kerana dengan adanya itu akan dapat mengadakan pembangunan-pembangunan yang lebih luas untuk faedah negara dan kemuliaan tanah suci itu adanya.

Bacalah buku-buku!

Yang menghidupkan ruh Islam!


dihidangkan oleh

(Abdullah Basmeh)

Muhammad (SAW)	4	Penggal, sepenggal	\$1.20
Abū Bakr as-Şiddiq	2	“ “	\$1.20
‘Umar ibn al-Khaţţāb			(sedang disusun)
Uthmān ibn ‘Affān	2	“ “	\$1.20
Baginda ‘Alī (cetak yang kedua)	2	“ “	\$1.20
Aishah binti al-Şiddiq	2	“ “	\$1.20
(sedang dicetak kedua kalinya)			
Salāhuddin al-Ayubī	4	“ “	\$1.20
Penggal Keempat			50
Puteri Sepanyol	2	“ “	\$1.20
Husayn di Padang Karbala	2	“ “	\$1.20
Perempuan Islam			30
Perempuan dan Pilihan Raya			40
Allah (Jalla Jallāluhu)			40
Seruan Kita			Hampir siap
Qada’ dan Qadar	“	“	“
Taksub	“	“	“
Pintalah kepada penerbitnya			

QALAM

356&358 GEYLANG ROAD, SINGAPORE.



Menara-menara kawalan Istana Mālik ‘Abd al-‘Azīz ibn Sa‘ud di Riyadh